



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN  
TEKS CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

## Akta 37

### AKTA SENJATA API (PENALTI LEBIH BERAT) 1971

*Sebagaimana pada 4 Julai 2023*

Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 oleh Jabatan Peguam Negara. Melainkan jika dan sehingga dicetak semula menurut kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah subseksyen 14(1) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH

**AKTA SENJATA API (PENALTI  
LEBIH BERAT) 1971**

Tarikh Perkenan Diraja        ...    ...    ...    ...    30 Ogos 1971

Tarikh penyiaran dalam  
*Warta*                         ...    ...    ...    ...    2 September 1971

Kali terakhir dipinda  
melalui Akta 846 yang  
mula berkuat kuasa pada        ...    ...    ...    ...    4 Julai 2023

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	...    ...    ...    ...	1980
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	...    ...    ...    ...	1993
<i>Cetakan Semula Yang Ketiga</i>	...    ...    ...    ...	1999
<i>Cetakan Semula Yang Keempat</i>	...    ...    ...    ...	2006

## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 37**

#### **AKTA SENJATA API (PENALTI LEBIH BERAT) 1971**

##### **SUSUNAN SEKSYEN**

###### **Seksyen**

1. Tajuk ringkas, pemakaian, permulaan kuat kuasa dan tempoh lamanya
2. Tafsiran
3. Penalti kerana melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api pada melakukan sesuatu kesalahan berjadual
- 3A. Penalti bagi rakan sejenayah dalam hal melepaskan tembakan senjata api
4. Penalti kerana menunjukkan senjata api pada melakukan sesuatu kesalahan berjadual
5. Penalti kerana ada senjata api dalam melakukan suatu kesalahan berjadual
6. Penalti kerana menunjukkan senjata api tiruan dalam melakukan suatu kesalahan berjadual
7. Penalti kerana berdagang senjata api
8. Penalti kerana memiliki senjata api dengan menyalahi undang-undang
9. Penalti kerana berkawan dengan orang yang membawa senjata api
10. Bidang kuasa Mahkamah Sesyen
11. Peruntukan khas berkenaan dengan pemindahan sesuatu kes ke, dan perbicaraan oleh, Mahkamah Tinggi
12. Jaminan tidak dibenarkan mengenai kesalahan di bawah Akta ini

**JADUAL**



## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 37**

#### **AKTA SENJATA API (PENALTI LEBIH BERAT) 1971**

Suatu Akta bagi mengadakan penalti lebih berat kerana menggunakan senjata api pada melakukan kesalahan tertentu dan bagi kesalahan tertentu berkenaan dengan senjata api, dan bagi membuat peruntukan khas berkenaan dengan bidang kuasa mahkamah mengenai kesalahan di bawahnya dan perbicaraannya.

[*Seluruh Malaysia—I Oktober 1971,  
P.U. (B) 339/1971*]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas, pemakaian, permulaan kuasa dan tempoh lamanya**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.
- (2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.
- (3) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab atas ketenteraman awam melalui pemberitahuan dalam *Warta* yang tidak lebih awal dari tarikh pemberitahuan itu disiarkan.
- (4) Akta ini hendaklah terus berkuat kuasa sehingga ia dibatalkan dengan ketetapan yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen:

Dengan syarat bahawa pembatalan itu tidak menyentuh apa-apa jua yang telah dilakukan dahulunya menurut Akta ini.

**Tafsiran****2. (1) Dalam Akta ini—**

“berdagang senjata api” ertinya—

- (a) menjual atau memindahmilikkan, atau menyimpan atau mendedahkan untuk dijual atau dipindah milik, sesuatu senjata api bersalahan dengan subseksyen 9(1) Akta Senjata 1960 [*Akta 206*];
- (b) membaiki atau menerima untuk dibaiki sesuatu senjata api bersalahan dengan subseksyen 9(2) Akta itu;
- (c) memindahmilikkan, menjual atau menawarkan untuk dijual sesuatu senjata api kepada seseorang yang lain daripada seseorang yang dinyatakan dalam subseksyen 11(1) Akta itu; atau
- (d) mengimport sesuatu senjata api bersalahan dengan subseksyen 15(1) Akta itu;
- (e) (*Dipotong oleh Akta A266*).

“kesalahan berjadual” ertinya apa-apa kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual;

“mahkamah rendah” mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*];

“melepaskan tembakan” ertinya menyebabkan dilepaskan sesuatu letusan, peluru atau bedilan lain daripada sesuatu senjata api dengan alat cas letupan, dan termasuklah menyebabkan sesuatu bom atau grenad diletupkan;

“memiliki senjata api dengan menyalahi undang-undang” ertinya memiliki, menjaga atau mengawal sesuatu senjata api, atau membawanya, bersalahan dengan Akta Senjata 1960;

“senjata api” ertinya apa-apa jenis senjata maut berlaras yang daripadanya sesuatu letusan, peluru atau bedilan lain boleh dilepaskan dengan alat cas letupan dan termasuklah sesuatu bom atau grenad yang mengandungi cas letupan.

(2) Perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta ini yang terdapat dalam Kanun Keseksaan [Akta 574] masing-masingnya mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam Kanun itu.

**Penalti kerana melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api pada melakukan sesuatu kesalahan berjadual**

**3.** Seseorang yang pada masa melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan sesuatu kesalahan berjadual melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan kepada seseorang hendaklah dihukum dengan pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun dan juga disebat tidak kurang daripada dua belas kali walaupun tiada apa-apa kecederaan berlaku oleh sebabnya.

**Penalti bagi rakan sejenayah dalam hal melepaskan tembakan senjata api**

**3A.** Jika, dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan kepada seseorang, seseorang melepaskan tembakan senjata api pada masa melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan suatu kesalahan berjadual, setiap seorang daripada rakan sejenayahnya mengenai kesalahan itu yang berada di tempat kesalahan itu dilakukan atau cuba dilakukan atau disubahati dilakukan, yang mungkin dengan munasabah dianggap telah mengetahui bahawa orang itu telah membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah jagaan atau kawalannya senjata api itu hendaklah, walaupun tiada apa-apa kecederaan yang disebabkan oleh

lepasan tembakan itu, dihukum dengan pemerintahan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun dan juga disebat tidak kurang daripada dua belas kali melainkan jika dia membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mencegah lepasan tembakan itu.

**Penalti kerana menunjukkan senjata api pada melakukan sesuatu kesalahan berjadual**

**4.** Seseorang yang pada masa melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan sesuatu kesalahan berjadual atau sesuatu rompakan menunjukkan suatu senjata api dengan cara yang mungkin mendatangkan ketakutan mati atau cedera kepada seseorang hendaklah dipenjarakan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun dan juga disebat tidak kurang daripada enam kali.

**Penalti kerana ada senjata api dalam melakukan suatu kesalahan berjadual**

**5.** Seseorang yang pada masa melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan suatu kesalahan berjadual ada pada dirinya suatu senjata api hendaklah dipenjarakan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun dan juga disebat tidak kurang daripada enam kali.

**Penalti kerana menunjukkan senjata api tiruan dalam melakukan suatu kesalahan berjadual**

**6.** Seseorang yang pada masa melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan suatu kesalahan berjadual menunjukkan suatu senjata api tiruan dengan cara yang mungkin mendatangkan ketakutan mati atau cedera kepada seseorang hendaklah dipenjarakan selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun dan juga disebat tidak kurang daripada tiga kali.

**Penalti kerana berdagang senjata api**

7. (1) Seseorang yang berdagang senjata api hendaklah dihukum dengan pemerlukan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun dan disebat tidak kurang daripada enam kali.
- (2) Seseorang yang dibuktikan memiliki lebih daripada dua senjata api dengan menyalahi undang-undang hendaklah dianggap berdagang senjata api.

**Penalti kerana memiliki senjata api dengan menyalahi undang-undang**

8. Seseorang yang memiliki sesuatu senjata api dengan menyalahi undang-undang hendaklah dihukum dengan pemerlukan selama suatu tempoh yang boleh sampai empat belas tahun dan juga disebat tidak kurang daripada enam kali.

**Penalti kerana berkawan dengan orang yang membawa senjata api**

9. Seseorang yang berkawan, atau didapati ada bersama dengan seorang lain yang memiliki suatu senjata api dengan menyalahi undang-undang dalam hal keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah bahawa dia telah mengetahui bahawa orang lain itu telah memiliki senjata api itu dengan menyalahi undang-undang hendaklah dihukum dengan pemerlukan selama suatu tempoh yang boleh sampai empat belas tahun dan juga disebat tidak kurang daripada enam kali, melainkan jika dia membuktikan bahawa dia ada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa orang lain itu telah tidak memiliki senjata api itu dengan menyalahi undang-undang.

**Bidang kuasa Mahkamah Sesyen**

10. (1) Walau apa pun undang-undang bertulis lain yang berlawanan, Mahkamah Sesyen mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan semua kesalahan di bawah Akta ini, kecuali kesalahan di bawah

seksyen 3 atau 3A, dan untuk mengenakan bagi apa-apa kesalahan yang dibicarkan itu hukuman atau penalti penuh yang diperuntukkan bagi kesalahan tersebut oleh Akta ini, kecuali hukuman mati.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan sesuatu kes mengenai sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, jika Pendakwa Raya menghendaki mana-mana kes seperti itu dibicarkan oleh Mahkamah Tinggi.

**Peruntukan khas berkenaan dengan pemindahan sesuatu kes ke, dan perbicaraan oleh, Mahkamah Tinggi**

**11.** (1) Jika sesuatu kes mengenai suatu kesalahan di bawah Akta ini dikehendaki oleh Pendakwa Raya supaya dibicarkan oleh Mahkamah Tinggi, orang yang dituduh itu hendaklah dikemukakan di hadapan mahkamah rendah yang sewajarnya yang hendaklah, setelah pertuduhan itu diterangkan kepada orang yang dituduh itu, memindahkan kes itu ke Mahkamah Tinggi tanpa mengadakan siasatan permulaan di bawah \*Bab XVII Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593], dan menyebabkan orang yang dituduh itu hadir atau dibawa ke hadapan Mahkamah itu dengan seberapa segera yang praktik.

\*\*(2) Apabila orang yang dituduh itu hadir atau dibawa ke hadapan Mahkamah Tinggi mengikut subseksyen (1), Mahkamah Tinggi hendaklah menetapkan tarikh bagi perbicaraannya yang hendaklah diadakan mengikut tatacara di bawah Bab XX Kanun Tatacara Jenayah.

(3) Perbicaraan sesuatu kes yang dipindahkan ke Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen (1) hendaklah oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang bersidang seorang sahaja, dan \*Bab XXI dan XXII Kanun Tatacara Jenayah tidaklah terpakai bagi perbicaraan itu.

(4) Subseksyen (1), (2) dan (3) hendaklah berkuat kuasa walau apa pun undang-undang bertulis lain yang berlawanan.

\*CATATAN—Bab XVII, XXI and XXII Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] telah dimansuhkan—lihat seksyen 5 dan 11 Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 1995 [Akta A908].

\*\*CATATAN—Lihat seksyen 6 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) 1978 [Akta A427] bagi peruntukan-peruntukan peralihan.

**Jaminan tidak dibenarkan mengenai kesalahan di bawah Akta ini**

**12.** (1) Jaminan tidak boleh dibenarkan bagi seseorang yang dituduh yang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Subseksyen (1) hendaklah terpakai walau apa pun apa-apa undang-undang bertulis lain atau apa-apa hukum undang-undang yang berlawanan.

---

\*CATATAN—Lihat seksyen 46 Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 [*Akta 846*] m.b.p. 4 Julai 2023 yang memperuntukkan seperti berikut:

**“Peralihan**

**46.** Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, jika seseorang disabitkan oleh mana-mana mahkamah kerana melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 3, 3A atau 7 Akta ibu, orang itu, sama ada dalam suatu perbicaraan atau rayuan, hendaklah dihukum mengikut peruntukan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini walaupun kesalahan itu dilakukan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.”

**JADUAL****[Seksyen 2]**

1. Pemerasan.
  2. Rompakan.
  3. Penghalangan atau penentangan, oleh seseorang, terhadap penangkapan dirinya atau seorang lain oleh seorang pegawai polis atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa dengan sah untuk menangkapnya.
  4. Lari daripada jagaan yang sah.
  5. Melarikan orang atau menculik di bawah seksyen 363 hingga 367 Kanun Keseksaan dan seksyen 3 Akta Penculikan 1961 [*Akta 365*].
  6. Pecah rumah atau menceroboh rumah di bawah seksyen 454 hingga 460 Kanun Keseksaan.
-

## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 37**

#### **AKTA SENJATA API (PENALTI LEBIH BERAT) 1971**

#### **SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A256	Akta Senjata Api (Penalty Lebih Berat) (Pindaan) 1974	08-07-1974
Akta A266	Akta Senjata (Pindaan) 1974	16-08-1974
Akta A317	Akta Senjata Api (Penalty Lebih Berat) (Pindaan) 1975	05-09-1975
Akta A427	Akta Senjata Api (Penalty Lebih Berat) (Pindaan) 1978	10-03-1978
Akta 206	Akta Senjata 1960	15-11-1978
Akta 846	Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023	04-07-2023

## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 37**

#### **AKTA SENJATA API (PENALTI LEBIH BERAT) 1971**

##### **SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Tajuk panjang	Akta A256 Akta A427	08-07-1974 10-03-1978
2	Akta A256 Akta A427 Akta A266 Akta 846	08-07-1974 10-03-1978 16-08-1974 04-07-2023
3	Akta 846	04-07-2023
3A	Akta A256 Akta 846	08-07-1974 04-07-2023
4	Akta A256 Akta 846	08-07-1974 04-07-2023
5	Akta A256 Akta 846	08-07-1974 04-07-2023
6	Akta A256	08-07-1974
7	Akta A256 Akta 846	08-07-1974 04-07-2023
8	Akta A256	08-07-1974
9	Akta A256	08-07-1974
10	Akta A317 Akta A427	05-09-1975 10-03-1978
11	Akta A427	10-03-1978
12	Akta A427	10-03-1978
Jadual	Akta A256	08-07-1974

---